

28 JUL 2001

Mahathir-pelajar

MAHASISWA MUNGKIN DISYARAT TANDATANGANI PERJANJIAN UNTUK BELAJAR

SHAH ALAM, 28 Julai (Bernama) -- Pelajar yang hendak memasuki universiti mungkin dikehendaki menandatangani perjanjian dengan kerajaan untuk memastikan mereka benar-benar menumpu kepada pelajaran, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata kerajaan sedang menimbang langkah itu bagi menjamin bahawa bakal mahasiswa akan menghadiri kuliah, mengambil nota dan bertanya kepada pensyarah perkara-perkara yang mereka tidak faham.

Dr Mahathir yang ditemui pemberita selepas melawat Sirim Berhad di sini, ditanya mengenai cadangan Umno semalam agar sistem meritokrasi diperkenalkan di institusi pengajian tinggi awam sebagai satu tindakan radikal menyedarkan pelajar bumiputera supaya benar-benar memberi tumpuan kepada pelajaran.

"Dengan adanya perjanjian ini, hanya mereka yang berminat untuk belajar akan masuk universiti," katanya.

Dr Mahathir juga mengingatkan pelajar supaya menggunakan peluang sebaik-baiknya apabila berada di universiti untuk menimba ilmu.

Beliau berkata pelajar sering kali membuat ugutan terhadap kerajaan untuk berkempen bagi parti pembangkang sekiranya tindakan mereka ditegur.

"Bukan dia nak belajar, dia nak kempen. Nak kempen duduk luarlah.

"Hanya mereka yang berminat untuk belajar, masuk universiti...yang tidak berminat silalah pergi berkempen," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir juga berkata jika pelajar ditegur bahawa mereka bermain-main semasa belajar, dengan angkuh mereka menjawab ia (kos menampung mereka belajar) bukan duit kerajaan tetapi duit rakyat.

"Kita tahu ini duit rakyat tetapi kita adalah pemegang amanah, maka kita perlu mentadbirnya sebaik mungkin," katanya.

Ketika ditanya sama ada keputusan melaksanakan sistem meritokrasi itu muktamad, Dr Mahathir berkata ia belum diputuskan.

"Tetapi kerajaan tidak akan menerima pelajar yang tidak berminat untuk belajar," katanya.

Ketika ditanya sama ada sistem itu dilaksanakan pada sesi pengajian akan datang, Perdana Menteri berkata "mungkin juga".

-- BERNAMA

RIZ NM AKT MAI